**JAWATAN : PENSYARAH**
**JABATAN / BAHAGIAN : AKADEMIK & PENYELIDIKAN**
**TARAF JAWATAN : KONTRAK & SAMBILAN**

**Ringkasan Bidang Tugas :**

1. Menjalankan kuliah dan tutorial kepada pelajar-pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

2. Memberi bimbingan akademik kepada pelajar-pelajar melalui waktu rundingcara.

3. Menyediakan soalan-soalan peperiksaan dan menjalankan penandaan serta pemarkahan bagi subjek-subjek yang berkaitan mengikut ketetapan dan peraturan akademik.

4. Terlibat dengan aktiviti penulisan dan penerbitan bagi memperkasakan ahli akademik.

5. Mematuhi peraturan dan piawaian yang ditentukan oleh kolej, agensi dan badan profesional.

6. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran Jabatan Akademik & Penyelidikan mengikut keperluan dan arahan semasa.

7. Menghadiri mesyuarat Jabatan Akademik & Penyelidikan dan Kolej.

8. Menjalankan aktiviti untuk mempromosikan program akademik.

9. Melibatkan diri dengan aktiviti pembangunan masyarakat.

10. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan daripada semasa ke semasa.

## <u>Syarat Kelayakan Minimum</u>

**Pensyarah Kaunseling (Kontrak) :**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial dengan Kaunseling / Kaunseling dan Psikologi / Bimbingan dan Kaunseling dan Bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Berpengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.
3. Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam industri / profesional.

**Pensyarah Penyiaran Islam (Kontrak) :**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Komunikasi (Penyiaran) / Sarjana Muda Penyiaran Media & Komunikasi (Penyiaran Islam) / Sarjana Muda Media Baharu / Sarjana Muda Al-Quran & As-Sunnah Komunikasi / Sarjana Muda Komunikasi Multimedia dan Bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Berpengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.
3. Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam industri / profesional.

**Pensyarah Bahasa Arab (Sambilan) :**

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab / Sarjana Muda Bahasa Arab Pendidikan / Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi dan Sarjana Muda Pengajian Islam serta bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Berpengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.
3. Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam industri / profesional.

## CARA PERMOHONAN

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, surat permohonan dan resume boleh dihantar melalui pos / serahan tangan / e-mel ke alamat berikut :-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
**TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK**
**KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR**
**LOT 1363, JALAN PERKASA**
**TAMAN MALURI**
**55100 KUALA LUMPUR**

**EMAIL: peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 SEPTEMBER 2023 (AHAD)**